

25 JUL 1999

PPP-Kamaruddin

PEMUDA PPP MAHU INSTITUSI RAJA BERTINDAK KE ATAS KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) mahu institusi Raja bertindak ke atas bekas ketua Umno Bahagian Tumpat Datuk Kamaruddin Jaafar yang menghina Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan gelaran "Datuk Seri".

Ketua Pemuda PPP Kebangsaan T. Murugiah berkata tindakan itu boleh diambil oleh Institusi Raja kerana gelaran Datuk Seri kepada Dr Mahathir itu dikurniakan oleh Sultan.

"Kamaruddin juga seorang Datuk tetapi telah mempersendakan gelaran kebesaran yang dikurniakan itu," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Murugiah berkata Pemuda PPP kesal dengan kenyataan Kamaruddin, yang kini menyertai PAS, menghina Perdana Menteri berkaitan gelaran Datuk Seri yang merupakan penghargaan besar oleh Institusi Raja terhadap sumbangan Dr Mahathir dalam membangunkan negara.

Kamaruddin dilaporkan mempersendakan gelaran Datuk Seri pada nama Dr Mahathir antara lain dengan mengatakan Dr Mahathir tidak layak dipanggil dengan gelaran itu, ketika mengumumkan kemasukannya dalam PAS di Tumpat beberapa hari lepas.

Murugiah berkata Pemuda PPP sentiasa berbangga dengan kepimpinan Dr Mahathir yang telah memajukan Malaysia sehingga menjadi negara contoh bagi banyak negara membangun yang lain dan keupayaan beliau memimpin Malaysia keluar dari kemelut kegawatan ekonomi.

Katanya, pembangkang boleh mengkritik kerajaan secara membina tetapi janganlah sampai mengkritik seseorang pemimpin di atas peribadinya seperti yang dilakukan oleh Kamaruddin.

Sementara itu, katanya, mesyuarat jawatankuasa Pemuda PPP hari ini membuat keputusan untuk mengadakan konvensyen kebangsaannya yang pertama di sini pada 15 Ogos ini yang akan dirasmikan oleh Presiden PPP Datuk M. Kayveas dan ucap utamanya oleh Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein.

"Konvensyen ini antara lain akan membincangkan perkembangan dalam parti termasuk tohmahan dan fitnah oleh pihak luar terhadap Kayveas di samping mengatur persediaan bagi menghadapi pilihan raya umum," katanya, yang menambah bahawa PPP akan berusaha sedaya upaya memastikan kemenangan Barisan Nasional.

"Sama ada PPP mendapat peruntukan kerusi atau tidak, bukanlah soalnya kerana bagi kita kemenangan Barisan Nasional dengan majoriti besar adalah lebih utama... namun kita tetap berharap Dr Mahathir tidak mengenyepikan kemungkinan memberi kerusi untuk parti kita," katanya.

Beliau juga mengumumkan pelantikan sembilan ketua pergerakan pemuda PPP bagi negeri-negeri kecuali bagi Kelantan dan Sabah yang menurutnya mempunyai bilangan cawangan yang masih kecil manakala PPP tiada cawangan di Sarawak dan Terengganu.

-- BERNAMA

MNY ZB